



BINA PURI HOLDINGS BHD

PRESS RELEASE

Utusan Online, 05 May 2010

Bina Puri Kemuka Tender RM4b

KUALA LUMPUR 5 Mei - Bina Puri Holdings Bhd. (Bina Puri) mengemukakan tender bagi pelbagai projek di dalam dan luar negara bernilai RM4 bilion. Pengarah Urusannya, Tan Sri Tee Hock Seng berkata, antara tender yang dibuat ialah di Arab Saudi, pasaran baru syarikat itu dengan nilai RM1 bilion.

Menurutnya, projek-projek yang ditender di negara tersebut membabitkan sektor swasta dan awam termasuk infrastruktur dan bangunan.

"Kerajaan Arab Saudi telah membuat pengumuman awal tahun ini akan melaksanakan projek-projek bernilai AS\$90 juta (RM288 juta), dan ia merupakan peluang bagi masa depan Bina Puri," katanya.

Bina Puri kini memiliki projek di Abu Dhabi, Brunei, Thailand dan Pakistan.

Tambahnya, Bina Puri berharap perniagaan luar negara meningkat 50 peratus berbanding 40 peratus sekarang.

Perniagaan luar negara kini mewakili sebanyak 57 peratus nilai buku semasa syarikat.

"Kerja-kerja semasa menyumbang sebanyak RM2.39 bilion, menyediakan aliran pendapatan stabil bagi Kumpulan sehingga 2012, dengan sumbangan positif daripada Bahagian Hartanah," jelasnya.

Katanya, Bina Puri juga menaruh harapan untuk menerima Surat Anugerah daripada Malaysia Airports Holdings Bhd. pada bulan ini bagi pembinaan Terminal Penerbangan Tambang Murah (LCCT) baru di Sepang.

UEM-Bina Puri adalah antara syarikat yang disenarai pendek bagi kerja-kerja pembinaan bangunan terminal LCCT yang bernilai RM750 juta hingga RM850 juta dan menara satelit RM400 juta hingga RM500 juta.

Bina Puri juga layak untuk membangunkan 626 bilik hotel berhampiran LCCT, projek kerjasama antara syarikat itu bersama Brem Holding Bhd. dan Crystal Crown Chain.

Hock Seng berkata, Bahagian Hartanah juga berpotensi melaksanakan projek dengan nilai pembangunan kasar sebanyak RM500 juta.

"Kami akan melancarkan beberapa pembangunan baru di Kota Kinabalu, Segambut, Puchong dan Johor Bahru pada suku ketiga tahun ini," tambah beliau.

Beliau menambah, Bina Puri juga akan terlibat dalam perniagaan jana kuasa dengan pembinaan dua loji di Pulau Bangka, Indonesia, setiap satu menghasilkan 2,000 kilowatt dengan jumlah pelaburan sebanyak AS\$2 bilion (RM6.4 bilion).

For further enquiries, please contact :

Cik. Surati Sujor
Corp Communications Dept
BINA PURI HOLDINGS BHD
Tel : 03-6136 3333 (3005)
Fax : 03-6136 9999
E-mail : surati@binapuri.com.my